



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERaan PERDAGANGAN  
BIL. 1 TAHUN 2010**

---

**PENGUATKUASAAN PENGETUAAN RESIT TAMBANG TEKSI SEBAGAI  
SYARAT LESEN**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERaan PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH: 4 FEBRUARI 2010**

Semua Persatuan Teksi Semenanjung Malaysia.

Semua Pengusaha Teksi Semenanjung Malaysia.

## **PENGELUARAN RESIT TAMBANG TEKSI SEBAGAI SYARAT LESEN**

### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penguatkuasaan pengeluaran resit tambang teksi sebagai syarat lesen.

### **LATAR BELAKANG**

2. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah menetapkan agar setiap meter teksi perlu dilengkapi pencetak bagi membolehkan resit dicetak dan diberikan kepada penumpang pada setiap kali sewaan. Sekiranya pencetak gagal berfungsi dengan sempurna, maka teksi tersebut tidak akan diluluskan dalam pemeriksaan PUSPAKOM.
3. **Cetakan resit yang mencatatkan kadar tambang** seperti yang tertera pada meter setiap teksi adalah **dimestikan** pada setiap kali sewaan bagi mengelakkan penumpang ditipu disebabkan keengganan pemandu teksi menggunakan meter dan mengenakan tambang lebih.
4. Cetakan resit ini telah dikuatkuasakan serentak dengan bermulanya pemantauan dan penguatkuasaan kadar tambang baru perkhidmatan teksi ke atas setiap teksi bermeter bermula **1 Januari 2010**.

## **SYARAT TAMBAHAN LESEN TEKSI**

3. Mesyuarat Lembaga Bilangan 3/2010 pada 20 Januari 2010 telah memutuskan menurut seksyen 19(2) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] seperti berikut:

- Adalah menjadi **syarat tambahan yang dikenakan pada lesen teksi** bahawa pada setiap sewaan teksi, **cetakan resit yang mencatatkan kadar tambang seperti yang tertera pada meter setiap teksi hendaklah dikemukakan kepada penumpang.**

4. Pekeliling ini hendaklah **dibaca dan dilampirkan** bersekali dengan setiap lesen teksi.

5. Adalah menjadi kesalahan di bawah **Seksyen 19(3) Akta 334** sekiranya **pemegang lesen** gagal mematuhi syarat tambahan yang ditetapkan dan apabila disabitkan kesalahan boleh didenda **tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.**

## **PEMAKAIAN**

6. **Syarat tambahan** yang dikenakan pada lesen teksi ini terpakai untuk semua teksi bermeter bagi **perkhidmatan bajet, perkhidmatan premier dan perkhidmatan eksekutif** di **seluruh Semenanjung Malaysia.**

7. Semua pemilik lesen dan persatuan pengusaha teksi perlu memastikan setiap teksi yang dimiliki dan semua ahli persatuan mematuhi syarat pengeluaran resit tambang teksi yang ditetapkan.

## **TARIKH KUATKUASA**

8. Arahan pekeliling pengeluaran resit tambang teksi sebagai syarat lesen mula berkuatkuasa serta merta.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**



**(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)**

Setiausaha  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
Semenanjung Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri

**4 FEBRUARI 2010**

**Salinan:**

Ketua Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Jalan,  
Aras 1-5, Blok D-4, Kompleks D,  
**62502 PUTRAJAYA.**

Pengarah JPJ Negeri/ Wilayah

Ketua Polis Trafik  
Cawangan Trafik  
Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
**50560 KUALA LUMPUR**

Ketua Operasi PUSPAKOM  
Wisma DRB HICOM  
No. 2, Jalan Usahawan U1/8  
Seksyen U1  
40150 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

**Edaran Dalaman:**

Y.Bhg Dato Pengerusi LPKP

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah

Pengarah (LPKP) Wilayah Timur

Pengarah (LPKP) Wilayah Utara

Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

**Sila tampal pekeliling ini  
pada papan kenyataan  
di pejabat LPKP Wilayah.**

KPPK (D)

KPP (L)

KPP (K)